

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD  
(PASIR GUDANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 01.08.2017**

**Y.B. DATO' HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD [ PASIR GUDANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang memperluaskan skop pengeluaran Akaun 2 KWSP untuk melangsaikan hutang-hutang dari institusi kewangan yang sah bagi mengelakkan golongan peminjam daripada disenarai hitamkan oleh CTOS & CCRIS.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tujuan Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) adalah untuk menyediakan simpanan

persaraan bagi membiayai sara hidup ahli apabila telah bersara. Pengeluaran yang dibenarkan oleh Skim KWSP adalah hanya bagi tujuan yang berkaitan dengan persaraan atau menambah nilai simpanan untuk persaraan. Sehubungan dengan itu, cadangan pengeluaran bagi melangsaikan hutang daripada institusi kewangan atau sebagainya adalah tidak selaras dengan objektif dan prinsip KWSP tersebut. Tambahan pula, pengeluaran seperti ini akan mengurangkan simpanan dan menjejaskan kecukupan simpanan ahli untuk membiayai persaraan mereka kelak.